

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA 2002
DI PERKARANGAN STADIUM DARUL AMAN ALOR SETAR, KEDAH
20 APRIL 2002

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

YAB Dato' Syed Razak bin Haji Syed Zain Menteri Besar Kedah dan isteri

YBhg. Tan Sri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid Pengerusi PNB dan isteri

YBhg. Dato' Abdul Azim Mohd Zabidi Presiden FMUTM dan isteri

YBhg. Datuk Hamad Kama Piah bin Che Othman Pengarah Urusan Kumpulan/ Ketua Eksekutif Kumpulan PNB dan isteri

Dif-dif Kehormat

Rakyat Negeri Kedah Darul Aman

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, kita dapat sama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini. Pada tahun-tahun yang lalu, saya selalunya menyempurnakan majlis penutup bagi acara ini, tetapi pada tahun ini saya diminta untuk merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia 2002, kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai urusan di luar negara. Bagaimanapun, Alhamdulillah kita dapat bersama-sama pada pagi ini bagi menjayakan Minggu Saham Amanah Malaysia 2002 yang merupakan salah satu agenda tahunan negara yang diraikan pada 20 April setiap tahun. Ini adalah satu pengiktirafan yang diberikan oleh Kerajaan kepada Minggu ini.

2. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Persekutuan Pengurus-pengurus Saham Amanah Malaysia (FMUTM) kerana berjaya sekali lagi menganjurkan Minggu Saham Amanah Malaysia. Ini menunjukkan PNB dan FMUTM bersungguh-sungguh untuk mendidik rakyat tentang pelaburan, khususnya pelaburan dalam saham amanah, dan ini secara langsung akan meningkatkan jumlah rakyat yang celik pelaburan.

3. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada PNB dan FMUTM kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan majlis ini. Saya berharap selama seminggu acara ini berkampung di negeri jelapang padi ini, rakyat Kedah terutamanya akan memanfaatkan medan ilmu yang dianjurkan ini dengan sebaik-baiknya. Orang Kedah seharusnya berbangga kerana negeri ini dipilih menjadi tuan rumah selepas Kuala Lumpur pada tahun 2000 dan Kota Bharu, Kelantan pada tahun lepas. Pemilihan negeri Kedah sebagai tuan rumah adalah sebagai tanda penghargaan PNB atas sumbangan rakyat negeri Kedah yang turut melabur dalam saham-saham amanah PNB dan juga dalam saham-saham amanah lain, yang mana telah menyumbang kepada pembangunan industri saham amanah negara keseluruhannya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Sesungguhnya kejayaan dan kemakmuran yang kita nikmati pada hari ini jauh berbeza berbanding zaman sebelum merdeka. Hari ini kita melihat rakyat pelbagai kaum hidup bersatu-padu dalam suasana aman dan harmoni. Rakyat sama-sama menikmati kekayaan dan kesejahteraan negara dengan lebih seimbang dan lebih baik berbanding dahulu. Ini adalah hasil daripada perancangan dasar yang teliti, kesepakatan dan kesungguhan usaha, dan pelaksanaan yang padu dan jitu yang melibatkan semua kaum di negara ini. Rakyat berganding bahu untuk merealisasikan satu matlamat yang sama, iaitu untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang sejahtera, makmur dan maju.

5. Sebelum merdeka, ekonomi Malaysia dikuasai oleh bangsa-bangsa asing yang menjajah kita dari aspek fizikal dan mental. Rakyat pada ketika itu, rata-ratanya adalah golongan petani, nelayan, pekerja ladang, peruncit, pekebun kecil dan penoreh getah yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman, luar bandar dan pinggir bandar. Aktiviti-aktiviti berasingan telah mewujudkan satu jurang perbezaan dan pengenalan kaum di negara ini dengan aktiviti ekonomi yang disertai mereka. Keadaan ini telah turut mengakibatkan wujudnya perbezaan yang besar dari segi pendapatan dan taraf hidup antara kaum, yang mana rata-ratanya orang Melayu lebih dikenali sebagai pesawah, petani dan nelayan. Orang India di estet-estet sebagai pekerja ladang dan penoreh getah. Manakala orang-orang Cina pada zaman sebelum merdeka pula adalah pekebun kecil dan peruncit. Hanya sebilangan kecil saja rakyat Malaysia pada waktu itu yang berpeluang menyertai arus perdana ekonomi negara dan bekerja dalam bidang-bidang profesional.

6. Keadaan ini ditambah pula dengan perbezaan kawasan penempatan antara kaum yang memisahkan mereka daripada bergaul dan memahami antara satu sama lain. Ini telah menyebabkan kurangnya persefahaman dan ketidakpuasan antara kaum yang kemudiannya menyebabkan suasana tegang dan genting. Kesan daripada keadaan-keadaan ini maka tercetuslah satu peristiwa yang tidak pernah kita duga. Ianya meninggalkan pengalaman pahit dan pengajaran tentang betapa pentingnya keseimbangan dan kesefahaman perlu dicapai dalam semua aspek kehidupan rakyat berbilang kaum, budaya dan agama. Kestabilan dan keharmonian menjadi asas kepada negara kita. Kerajaan yang diwakili oleh semua kaum telah merencana satu dasar yang mengambilkira semua kepentingan bagi mencapai matlamat kita bersama, iaitu perpaduan yang kukuh ke arah menjana Malaysia sebagai sebuah negara yang makmur dan teguh.

7. Kini setelah hampir 45 tahun Malaysia merdeka banyak perubahan dan pencapaian yang telah kita kecapai. Usaha pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat telah membuahkan hasil. Pembangunan pesat berlandaskan keadilan dan kesaksamaan telah memperteguhkan hubungan sesama kita, disamping memperkukuhkan ekonomi negara. Golongan menengah berpendidikan, terutamanya di kalangan bumiputera, telah bertambah ramai. Ini semua bukannya diperolehi dalam sekelip mata. Ianya telah melalui proses yang panjang mengikut acuan kita sendiri, berteraskan perancangan yang bersifat jangka panjang dan menyeluruh. Mengisi kemerdekaan bukanlah satu perkara yang mudah. Walaupun dari segi rupa dan warna kulit kita berbeza, tetapi kita tetap bersama. Segala yang kita nikmati hari ini adalah hasil kekuatan kita yang saling faham-memahami, percaya-mempercayai, saling bekerjasama, bantu-membantu, bertolak ansur, merendah diri, amanah, jujur dan ikhlas.

8. Dasar Ekonomi Baru ciptaan kita menunjukkan betapa kita berjaya menggembeng ilmu, tenaga dan kepakaran semua rakyat dengan bijak untuk membangunkan negara. Malah sehingga kini, usaha-usaha terus diperkukuhkan melalui perancangan dan pengurusan dasar-dasar yang lebih padu, mantap, berwawasan dan bersifat global, demi membangunkan ummah yang berjiwa besar, dan kaya dengan ilmu dan kepakaran.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Syukur alhamdulillah, ekonomi negara bertambah teguh dan kukuh. Walaupun kita menghadapi pelbagai cabaran dari dalam dan luar negara pada tahun lepas, namun atas perancangan yang baik dan usaha gigih setiap warga Malaysia, negara berjaya mencatat pertumbuhan positif dalam tahun 2001. Kita menjangkakan prestasi ekonomi negara akan terus meningkat pada tahun ini dan tahun-tahun seterusnya. Kita tetap akan berusaha membangunkan Malaysia dengan mampan dan pesat agar cita-cita besar negara, iaitu Wawasan 2020, akan tercapai tidak sampai 18 tahun daripada sekarang.

10. Sektor swasta akan terus memainkan peranan sebagai penjana ekonomi negara yang utama ("primary engine of economic growth"). Untuk bergerak dan berkembang maju, syarikat-syarikat swasta perlu mempunyai sumber modal yang mencukupi. Modal ini boleh diperolehi daripada bank ataupun daripada para pelabur. Oleh itu, selain memperkukuhkan sistem perbankan negara, kerajaan berhasrat untuk membangunkan pasaran modal Malaysia supaya setanding dengan pasaran-pasaran antarabangsa untuk menarik minat para pelabur untuk melabur di dalam syarikat-syarikat kita. Ini secara langsung akan meningkatkan kadar tabungan Negara, dan modal yang dibekalkan oleh para pelabur akan dapat menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara.

11. Justeru itu, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memperbaiki pasaran modal negara perlu mendapat sokongan yang penuh. Sebagai contoh, pihak Suruhanjaya sekuriti telahpun menggariskan pelbagai cadangan dalam Pelan Induk Pasaran Modal ("Capital Market Masterplan") bagi tempoh 10 tahun yang akan datang. Saya berharap para institusi dan pelabur akan memainkan peranan masing-masing supaya dapat membangunkan pasaran modal di Malaysia agar setanding dengan pasaran maju di luar negara.

12. Saya difahamkan pelaksanaan Pelan Induk tersebut telah mencapai kemajuan menurut perancangan pada tahun 2001, meskipun dalam keadaan ekonomi dan kewangan global yang mencabar. Industri saham amanah, yang merupakan komponen penting dalam pasaran modal negara, terus berkembang dengan begitu pesat. Nilai aset bersih industri saham amanah kini berjumlah lebih daripada 52 BILION ringgit, berbanding hampir 16 BILLION ringgit pada akhir tahun 1992. Terdapat 37 syarikat pengurusan saham amanah yang mengendalikan 158 tabung pada ketika ini, termasuk 7 tabung kendalian PNB. Bilangan akaun saham amanah telah melepasi 10 juta, dengan unit dalam pusingan berjumlah kira-kira 75 bilion. Semua ini adalah prestasi yang membanggakan. Dalam pada itu, usaha kerajaan menubuhkan pelbagai badan atau syarikat, seperti PNB, telah memberi peluang kepada rakyat untuk sama-sama menikmati hasil kekayaan dan kemakmuran negara. Secara tidak langsung, lebih ramai golongan bumiputera dapat menyertai arus perdana ekonomi dan pembangunan negara. Oleh itu, kerajaan berharap industri saham amanah akan terus berkembang dengan lebih pesat lagi, dan segala faedahnya akan dinikmati oleh lebih ramai rakyat Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

13. Saya berpendapat menerusi saham amanah, rakyat kini lebih memahami tentang elemen-elemen pelaburan. Mereka menjadi lebih bijak mengenalpasti jenis-jenis dana saham amanah yang sesuai disertai berdasarkan pertimbangan risiko dan pulangan. Malah ada di kalangan mereka yang berani membuat pelaburan secara langsung di Bursa Saham.

14. Namun begitu, para pelabur perlu berhati-hati, kerana harga saham tidak tetap. Salah satu sebab pelabur kadangkala mencatat kerugian ialah mereka melaburkan wang berdasarkan khabar angin atau cerita kosong. Sebaliknya, mereka perlu meneliti keadaan syarikat tersebut. Seseorang pelabur yang bijak perlu memeriksa penyata kewangan syarikat sebelum membuat keputusan pelaburan.

15. Tambahan pula, Bursa Saham Kuala Lumpur merupakan bursa saham yang terbesar di rantau ASEAN dari segi bilangan syarikat tersenarai. Kini terdapat hampir 830 syarikat yang terbahagi kepada 12 sektor kegiatan ekonomi. Tentu sekali, pelabur individu akan menghadapi kerumitan untuk membuat penelitian bagi semua kaunter yang dilaburinya.

16. Oleh itu, pelaburan menerusi saham amanah merupakan cara mudah untuk melabur dalam pasaran modal. Para pelabur dapat menikmati pengurusan tabungan yang profesional. Pengurus dana yang berkemahiran akan memantau perkembangan semasa dan menjaga kepentingan para pelabur.

17. Menerusi saham amanah, pelaburan juga dapat dipelbagaikan dengan kos yang rendah. Jika seseorang pelabur membeli sebuah saham, pulangan yang bakal diperolehi bergantung kepada naik turun harga saham tersebut. Kalau harga saham meningkat, pelabur akan meraih keuntungan. Sebaliknya, apabila harga saham jatuh, pelabur akan turut rugi. Sebaliknya, saham amanah membolehkan risiko ini dikurangkan, kerana dana saham amanah lazimnya terdiri daripada pelbagai jenis instrumen dan pelaburan. Kejatuhan harga sesuatu pelaburan akan ditampung oleh kenaikan harga pelaburan yang lain. Dengan cara ini, nilai pelaburan dapat dilindungi.

18. Saya berharap para syarikat pengurusan saham amanah akan terus mempertingkatkan keupayaan mereka untuk mengurus tabung serta memberi perkhidmatan pelanggan yang terbaik. Para pengurus saham amanah perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam menjaga kepentingan pelaburan mereka. Dalam pada itu, semua peraturan dan garis panduan yang berkaitan perlu dipatuhi setiap masa. Pengurusan kewangan perlu dilakukan secara teliti, bijak dan berhemah. Lebih-lebih lagi wang yang diuruskan adalah hasil dari tabungan rakyat. Amanah rakyat perlu dijaga dengan sebaik-baiknya. Pihak pengawalselia tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran. Saya ingin memberi jaminan bahawa dana-dana yang diamanahkan kepada pengurus-pengurus tabung akan mendapat perlindungan pemegang amanah dan kerajaan yang sewajarnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

19. Usaha kerajaan dalam menyediakan pelbagai peluang serta membangunkan prasarana yang serba lengkap kepada seluruh rakyat untuk menceburi pelbagai

bidang perniagaan, profesional dan ekonomi adalah untuk memajukan dan memakmurkan bangsa dan negara Malaysia. Hasilnya kini terbukti dengan pelbagai pencapaian yang kita semua nikmati selama ini. Sesungguhnya, pencapaian dan kejayaan ini perlu dimantapkan dan diteruskan, kerana ia bukan sahaja untuk generasi hari ini tetapi juga untuk generasi-generasi akan datang. Rakyat Malaysia perlu terus bersatu padu dan terus menimba pelbagai ilmu dan kepakaran bagi memastikan bangsa Malaysia berupaya menggerakkan ekonomi-ekonomi serantau dan antarabangsa, dan seterusnya menempatkan Malaysia gemilang di mata dunia.

20. Minggu Saham Amanah Malaysia, sebuah agenda tahunan negara yang berteraskan pendidikan bersepadu dan menyeluruh, perlu terus dipertingkatkan dan didedahkan kepada seramai mungkin lapisan rakyat. Saya difahamkan bahawa Minggu Saham Amanah Malaysia kali ini memberi penekanan tentang pengurusan dan perancangan kewangan yang bijak. Ini adalah satu pendekatan yang baik untuk menarik lebih ramai orang untuk melabur. Rakyat perlu tahu merancang kewangan diri dan keluarga demi masa depan mereka.

21. Saya berharap seluruh rakyat, terutamanya rakyat negeri Kedah, akan mengambil peluang di Minggu Saham Amanah Malaysia anjuran PNB dan FMUTM ini untuk menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan bagi menjadi pelabur yang lebih bijak, bermaklumat dan berilmu. Marilah kita sama-sama berusaha dan berdoa agar usaha kita ini mendapat kejayaan dan keredhaan Allah s.w.t. dan mencapai matlamatnya.

22. Dengan lafaz Bismillahi Rahmanir Rahim, saya dengan segala sukacitanya merasmikan Minggu Saham Amanah Malaysia 2002.

Sekian, terima kasih.